

Hanya pulang 48 jam

FOTO | Paiman Selamat

SEGAMAT: “Belum 48 jam balik ke rumah selepas lebih dua minggu berada di pusat pemindahan banjir, keluarga kami terpaksa pindah semula kerana sekeliling rumah sudah ditenggelami air sedalam hampir satu meter akibat banjir kali kedua,” kata seorang mangsa banjir, Zakaria Hamzah, 50, semalam.

Beliau yang tinggal di Kampung Seberang Batu Badak, di sini, berkata tempoh singkat berada di rumah menyebabkan pakaian, kusyen kerusi set dan beberapa peralatan lain yang dijemur belum cukup kering manakala isteri dan anak-anaknya masih belum siap berkemas.

Menurutnya, beliau dan sembilan lagi anggota keluarganya pulang ke rumahnya dari pusat pemindahan banjir petang kelmarin, selepas banjir semakin surut.

Bagaimanapun, katanya, tidak sampai 48 jam berada di rumah, mereka sekeluarga terpaksa berpindah semula ke pusat pemindahan banjir

di Balai Raya Kampung Batu Badak petang semalam, kerana air naik di sekeliling rumah akibat hujan lebat.

“Ini dugaan Allah yang kami terima dengan kesyukuran. Walaupun saya, isteri dan anak-anak penat berkemas dan menjemur peralatan rumah bagi membolehkan kami sekeluarga balik semula ke rumah, tiba-tiba banjir melanda lagi kali kedua,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Raja Sahrin Tengku Ismail 40, berkata beliau sudah menjangka hujan lebat bermula kelmarin menyebabkan banjir melanda kali kedua di kampung berkenaan.

Beliau yang berkerja sebagai buruh dengan Majlis Daerah Segamat (MDS) berkata, walaupun baru sehari berada di rumah selepas pulang dari pusat pemindahan, keluarga sanggup berpindah semula demi keselamatan.

“Kami berdoa banjir kali kedua ini yang terakhir dan tidak akan berulang semula dalam tempoh terdekat ke-



RAJA SAHRIN...pindah demi keselamatan

ZAKARIA...belum siap PINDAH SEMULA...sebuah rumah di Kampung Batu Badak berkemas ditenggelami air kali kedua, semalam.

rana mangsa banjir terpaksa berkemas dan membersihkan rumah.

“Selain itu, ramai mangsa banjir bekerja kampung seperti menoreh getah dan melakukan kerja tanaman per-

tanian ketika ini belum berkerja semula kerana kebun ditakungi air,” katanya.

Tinjauan Harian Metro mendapati paras air di Sungai Segamat kian naik dan melimpah atas tebing selepas

hujan lebat sejak kelmarin.

Jalan masuk ke pasar raya Genuang dari jambatan kedua di Segamat terputus hubungan dan tidak boleh dilalui kenderaan ringan selepas ditenggelami air.



Tabung Bantuan Mangsa Banjir NSTP

>Mah Sing derma RM50,000

KUALA LUMPUR: Mah Sing Foundation yang turut bersimpati dengan penderitaan mangsa banjir di Johor, menderma RM50,000 kepada Tabung Bantuan Mangsa Banjir yang dikelolakan kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), semalam.

Sumbangan itu menjadikan jumlah kutipan setakat ini RM2,413,249.55.

Selain Mah Sing Foundation, RM10,971.60 dikumpul daripada orang ramai menjadikan jumlah semalam RM60,971.60.